

# BERITAHU MEREKA KU SAYANG MEREKA

MENERIMA WAHYU MANGENAI KASIH-SAYANG TUHAN BAGI MU



JOYCE MEYER

**Katakan  
Aku Mengasihi  
Mereka**



# **Katakan Aku Mengasihi Mereka**

Oleh

*Joyce Meyer*

Penterjemah:

Sharen Lim

Doris Chou

Franklin Karong



# Kandungan

<i>Pengenalan</i>	7
1 Tuhan Mengasihimu!	9
2 Adakah Saya Cukup Baik?	17
3 Kasih Ialah Satu Perhubungan	28
4 Kasih, Kepercayaan dan Iman	36
5 Bebas Daripada Ketakutan	45
6 Jangkauan Kasih	52
7 Kasih Tuhan Akan Mengubahmu	62



---

# Pengenalan

Saya percaya bahawa apa yang lebih diperlukan oleh manusia ialah wahyu tentang kasih Tuhan kepada mereka secara peribadi. Dan saya percaya ini adalah dasar kepada kemenangan hidup yang harus dilalui oleh seorang Kristian. Kita tidak sekadar memerlukan pengetahuan tentang kasih Tuhan, tetapi apa yang kita perlukan ialah wahyu. Ia hanya akan diberikan oleh Roh Kudus apabila setiap orang yang percaya merenungkan dan memerhatikan kasih Tuhan di dalam kehidupannya serta mencari wahyu itu melalui Firman Tuhan dan berdoa.

Mudah sekali untuk menerima kenyataan bahawa Tuhan mengasihi dunia ini sehingga Dia mengutus Yesus mati baginya. Tetapi agak sukar untuk percaya jika kamu adalah satu-satunya manusia di bumi ini dan Tuhan begitu mengasihi kamu sehingga Dia mengutus Yesus semata-mata untuk mati bagi kamu seorang.

Setelah bertahun-tahun melalui kehidupan

sebagai seorang Kristian yang kecewa, saya mula memahami kasih Tuhan. Dengan kemurahan-Nya, Tuhan telah menunjukkan kasih-Nya kepada saya secara peribadi melalui pekerjaan Roh Kudus. Wahyu tunggal itu telah mengubah seluruh perjalanan hidup saya dengan-Nya.

Saya percaya apa yang kamu baca di dalam buku ini akan memberikan pengertian baru tentang kasih Tuhan dan mewujudkan keinginan baru untuk memiliki wahyu ini secara peribadi. Saya menasihatkan kamu supaya membaca buku ini secara perlahan, menggunakannya sebagai bahan pelajaran dan merenungkan ayat-ayat Alkitab dan pendapat yang terkandung di dalamnya.

Buku ini dipersembahkan kepadamu dengan rendah hati. Ketahuilah bahawa tanpa DIA saya tidak mungkin dapat menghasilkan buku ini. Setiap wahyu dan pengertian yang saya perolehi tentang Firman-Nya adalah daripada kasih karuniaNya.

# 1

## Tuhan Mengasihimu!

" Tuhan sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal."

Yohanes 3:16

Tuhan mahukan satu keluarga lalu Dia menciptakan kita menjadi anak-anak-Nya. Tuhan tidak mahu kita bertindak seperti bayi melainkan seperti anak-anak-Nya. Dia mahu kita berserah dan berharap pada-Nya, bersandar pada-Nya, mengasihi-Nya dan membiarkan Dia mengasihi kita. Dia mahu kita percaya dan menjangkau Dia apabila kita memerlukan sesuatu. Dia mahukan hubungan secara peribadi dengan mu.

Kebanyakan kita melihat Yohanes 3:16 dengan pengertian yang umum. "Oh ya, saya tahu

Yesus telah mati untuk dunia ini," tetapi Yesus mati bukan untuk kita sebagai sekelompok manusia biasa. Dia mati untuk setiap kita. Dia mati untukmu!

Meskipun jika kamu adalah satu-satunya orang di dunia ini, Dia pasti mati untuk kamusahaja. Dia pasti melalui semua penderitaan untuk kamu. Dia mati untuk kamu! Tuhan sangat mengasihimu dan Dia mengasihimu dengan kasih yang kekal.

Suatu hari ketika saya sedang memandu, Tuhan berbicara kepada saya. "Joyce, kamu adalah biji mata-Ku." Saya sama sekali tidak mengetahui bahawa ayat itu terdapat di dalam Alkitab. Iblis muncul dengan pemikiran ini, "Bukankah ini merupakan satu kebanggaan? Siapakah engkau menurut pemikiranmu?" Lalu, saya katakan pada diri saya, "Saya tidak seharusnya berfikir begitu." Menganggap bahawa kita sangat istimewa, berbakat dan lain daripada orang lain adalah agak bertentangan dengan pemikiran lahiriah kita. Namun, pada hakikatnya Tuhan telah menciptakan setiap kita sebagai individu yang

berbeza daripada insan lain.

Ketika saya sedang memikirkan hal ini, Tuhan memberikan satu gambaran tentang seorang wanita yang berdiri di depan selenggok besar buah epal. Setelah mencari untuk beberapa lama, akhirnya dia menemui sebiji epal yang terbaik dan mengambilnya. Tuhan mengatakan bahawa saya adalah epal yang terbaik dan sangat istimewa bagi-Nya. Ia seolah-olah tidak benar tetapi Tuhan mengatakan hal yang sama kepada setiap kita. Tuhan tidak mengatakan kamu seorang sahaja yang baik manakala orang lain adalah sebaliknya. Tuhan mengatakan kita semua istimewa dan hal ini terdapat di dalam Firman-Nya. Firman itu adalah untuk kita semua. Kamu adalah biji mata Tuhan.

Saya tidak dapat menerima apa yang telah Tuhan katakan kerana saya berasa bersalah apabila saya menyanjung diri sendiri di dalam fikiran saya. Kira-kira dua hari kemudian saya membuka Alkitab di dalam Mazmur 17:8 dan di hadapan saya tertulis : "Lindungilah aku, seperti biji mata-Mu sendiri; sembunyikanlah aku di bawah

naungan sayap-Mu." Lalu saya berkata, "Wah, benarliah Tuhan yang berbicara kepada saya tempoh hari. Saya ialah biji mata-Nya." Dan setiap kali saya memikirkannya, saya merasakan diri ini sangat istimewa.

Manusia memiliki kerinduan untuk dikasihi dan Tuhan menciptakan manusia untuk tujuan itu. Ramai orang percaya bahawa Tuhan mengasihi dunia dan Yesus, tetapi mereka sukar untuk percaya bahawa Tuhan mengasihi mereka walaupun Firman-Nya mengatakan demikian. Tuhan mengasihi kamu sama seperti Dia mengasihi Yesus. Lihat Yohanes 5:20.

"Bapa mengasihi Anak dan menunjukkan segala yang dilakukan-Nya kepada-Nya. Dia akan menyatakan perkara-perkara yang lebih besar lagi kepada Anak sehingga kamu semua hairan."

Tuhan mengatakan, " Aku melakukan perkara-perkara yang besar, bahkan lebih besar lagi melalui Yesus, sehingga kamu menjadi hairan" (terjemahan penulis). Tidak ada salahnya jika kamu terpesona akan sesuatu dan takjub akan

perbuatan Tuhan.

Kita membaca ayat-ayat ini tetapi selalu melupakan kehendak-Nya pada kita. Dia mahu kita melihat semua pekerjaan-Nya yang besar melalui Yesus, menjadi hairan dan berkata, "Tuhan, sungguh ajaib perbuatan yang Kau lakukan melalui Yesus." Dalam Yohanes 14:12, Yesus mengatakan: "Sungguh benar kata-Ku ini: Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan melakukan apa yang Aku lakukan, bahkan lebih besar lagi, kerana Aku pergi kepada Bapa."

Tuhan akan melakukan hal yang sama melalui kamu, dan hal-hal yang lebih besar lagi kerana Yesus telah pergi kepada Bapa-Nya. Percayakah kamu? Adakah kamu sungguh-sungguh percaya bahawa Tuhan mengasihimu dan akan menggunakanmu?

Suatu hari ketika saya sedang belajar, Tuhan melayani saya dan berkata, "Joyce, setiap hari Aku melakukan banyak perkara kepada manusia kerana Aku mengasihi mereka, tetapi mereka tidak melihatnya, malah tidak menyedarinya. Aku

memberikanmu satu contoh. Setiap hari apabila Aku berkata kepada matahari 'Terbitlah!', Aku melakukannya untuk Joyce, untuk Jamie, untuk (isikan namamu di sini)."

Berhenti sejenak dan pikirkan tentangnya. Matahari terbit setiap hari untuk kamu, dan kamu mengakuinya. Apabila musim hujan dan musim salji tiba, ia adalah untuk kamu. Ternyata Tuhan sangat mengasihimu.

Ulangan 7:9 mengatakan,

"Ingatlah bahawa TUHAN, Tuhan kamu satu-satunya Tuhan, dan Dia setia. Dia akan menepati perjanjian-Nya dan sentiasa menunjukkan kasih-Nya kepada seribu generasi orang yang mengasihi Dia, dan yang taat kepada hukum-Nya."

Adakah kamu berfikir bahawa tempoh seribu generasi itu cukup panjang untuk kamu menikmati kasih-Nya? Lihat, Dia adalah Tuhan yang kekal dan kamu tidak boleh beranggapan bahawa setiap kekecewaan dan persoalan hidup kita akan melelahkan Tuhan. Kasih tidak melelahkan dan

kamu tidak mampu membuatkan Tuhan tidak mengasihimu. Kasih bukan kelakuan atau tabiat Tuhan. Kasih adalah sifat Tuhan, yakni, Tuhan ialah kasih.

Tuhan malah mengasihi orang berdosa yang paling hina dan pernah meludahi Yesus berkata, "Aku tidak mahukan apa-apa dari-Mu kerana aku yakin akan masuk ke neraka". Jadi, bagaimana mungkin Dia tidak mengasihi mereka yang telah dipilih dan dikhususkan untuk tujuan-Nya?

Mungkin kamu telah berkata, "Saya menerima Yesus di dalam hati saya, dan saya mengasihi-Nya." Tetapi saya bertanya kepadamu, sejauhmanakah kamu percaya bahawa Tuhan mengasihimu?

Ini satu mesej yang mudah untukmu: Tuhan mengasihimu. Namun, mesej mudah ini harus diam di dalammu sebagai dasar untuk memberikanmu pengertian terhadap segala sesuatu.

Walau apapun yang telah kamu pelajari dan

sehebat mana sekalipun usahamu mempelajari dan mencari pengertian tentang Tuhan, kamu tidak dapat pergi lebih jauh jika kamu tidak dapat menerima kenyataan bahwa Tuhan mengasihimu. Kasih Tuhan merupakan dasar bagi imanmu, untuk membebaskanmu dari dosa dan memberimu kesanggupan untuk melayani orang lain tanpa rasa takut. Mahukah kamu menerima kasih yang Dia beri untukmu?

Tuhan mengasihimu!

# 2

## **Adakah Saya Cukup Baik?**

"Harapan itu tidak akan mengecewakan kita, kerana Tuhan sudah mencurahkan kasih-Nya ke dalam hati kita. Tuhan melakukan hal itu dengan perantaraan Roh-Nya, yang sudah dikurniakan-Nya kepada kita.

"Ketika kita masih dalam keadaan tidak berdaya untuk menolong diri sendiri, Kristus mati tepat pada masanya untuk menyelamatkan orang yang berdosa.

"Susahlah orang mahu mati bagi orang yang mentaati hukum agama. Mungkin ada orang bersedia mati bagi orang yang baik hati.

"Tetapi Tuhan telah menunjukkan betapa besarnya kasih-Nya kepada kita, kerana Kristus

(Mesias, Yang Diurapi) mati bagi kita semasa kita masih berdosa.

"Melalui darah Kristus, kita sekarang berbaik semula dengan Tuhan . Oleh itu kita pasti akan diselamatkan oleh Kristus daripada kemurkaan Tuhan kelak.

"Dahulu kita bermusuhan dengan Tuhan, tetapi Tuhan menjadikan kita sahabat-sahabat-Nya melalui kematian Anak-Nya. Sekarang sebagai sahabat-sahabat Tuhan, kita pasti akan diselamatkan kerana Kristus hidup."

Roma 5:5-10

Ramai di antara kita percaya bahawa Tuhan mengasihi kita selagi kita tidak berbuat jahat. Kebanyakan manusia tidak menyenangi diri sendiri dan mereka beranggapan bahawa Tuhan juga tidak begitu tertarik pada mereka. Alkitab telah mengatakan, "Apakah manusia itu sehingga Engkau ingat akan mereka?" (Mazmur 8:5). Kita adalah ciptaan-Nya, dan Dia mengasihi kita kerana Dia mengasihi kita. Dia adalah kasih. (1 Yohanes 4:16.)

Tuhan mengasihimu, dan kamu adalah istimewa. Itu bermakna kamu adalah tersendiri dan unik. Kamu tidak perlu menjadi seperti saya, dan saya juga tidak perlu menjadi seperti kamu. Kita akan merasa bersalah jika kita berusaha menjadi seperti orang lain. Ini akan memberi kesempatan kepada si iblis untuk mengatakan bahawa kamu tidak cukup baik. Hakikatnya, bersama Tuhan kamu tidak perlu menjadi "cukup baik".

Adakah Yesus mati untuk kamu kerana kamu seorang yang sangat hebat atau kerana Dia mengasihimu? Menurut Alkitab, jika Dia mengasihimu sehingga sanggup mati untukmu, adakah kini Dia juga mengasihimu setelah kamu dibenarkan oleh darah-Nya? (Rom. 5:8,9). Dia mengasihimu untuk menutupi kesilapanmu sehingga kamu dapat melalui hari ini di dalam kuasa dan kemenangan.

Suatu hari Tuhan menunjukkan satu contoh kepada saya tentang cara Dia melihat kesilapan-kesilapan dan kegagalan kita. Bayangkan seorang kanak-kanak dalam lingkungan umur 3-4 tahun

yang selalu memerhati ibunya melakukan kerja-kerja rumah. Dia sangat mengasihi ibunya sehingga dia mendapatkan sedikit air dalam baldi dan sehelai kain buruk, lalu bergerak ke arah tingkap di depan anjung rumah. Dia menggosok tingkap itu dengan teliti dan kemudian mengelapnya dengan menggunakan kertas tisu.

Sudan tentulah hasil pekerjaan kanak kanak tersebut lebih mengotorkan lagi tingkap itu. Lebih dahsyat lagi jika dia menggunakan kain pengelap yang terbaik sehingga si ibu berasa hendak mencekik lehernya. Namun, dia masuk dan berkata dengan suara kecilnya, "Ibu, ibu, saya telah membersihkan tingkapmu. Saya telah membuat kerja yang terbaik untukmu. Saya mengasihimu, ibu."

Seorang ibu yang pengasih akan berkata, "Oh, kamu telah melakukan satu perkara yang sangat baik. Terima kasih kerana membantu ibu." Dan apabila anak itu sedang sibuk di satu tempat lain, dia akan membersihkan kotoran yang ada dan menasihati dia dengan baik agar tidak melakukannya lagi.

Tuhan memberitahu saya apa yang Dia lakukan untuk kita. Dia selalu membersihkan kotoran kita. Jika kamu melakukan yang terbaik yang kamu mampu, itulah yang Tuhan harapkan darimu. Dia boleh mengubahmu jika kamu dengan rela hati berkata, "Kau benar, Tuhan, dan saya telah silap. Saya telah mencuba tetapi saya tidak dapat mengubahnya." Dia pasti dapat melakukannya kerana Dia tahu kamu tidak dapat memperbaharui diri kamu tanpa bantuan-Nya.

"Orang yang diutus oleh Tuhan menyampaikan firman Tuhan dan mengisytiharkan mesej peribadi Tuhan, kerana Tuhan mengurniakan Roh-Nya kepada Dia dengan sepenuhnya."

"Bapa mengasihi Anak-Nya dan sudah menyerahkan segala sesuatu (amanah, persetujuan) di bawah kuasa-Nya."

Yohanes 3:34,35

Suatu hari, ketika saya sedang belajar, saya merenungkan ayat ini dan sangat bersukacita apabila menyedari bahawa Tuhan tidak

memberikan Roh-Nya kepada kita menurut sesuatu ukuran. Dia tidak memberikan kita sedikit daripada bahagian ini dan sedikit daripada bahagian itu.

Sebaliknya Dia berkata, "Nah, ambillah semua yang Ku miliki." Pada hari ini segala kuasa dan kasih Tuhan telah tersedia untukmu. Dia memiliki segala yang kamu perlukan, dan Dia mahu kamu menerimanya. Mengapa? Kerana Dia mengasihimu. Kamu tidak perlu menjadi seorang yang cukup baik, cantik atau bijak untuk mendapatkannya. Tuhan hendak memberikannya kepadamu kerana Dia mengasihimu.

Dalam Ulangan 7:6,7, Tuhan mengatakan,

"Lakukanlah hal itu, kerana kamu milik TUHAN, Tuhan kamu. Dari antara semua bangsa di bumi, Dia memilih kamu untuk menjadi umat-Nya yang istimewa."

"TUHAN mengasihi kamu, dan memilih kamu bukan kerana bilangan kamu lebih besar daripada bangsa-bangsa lain; sebenarnya kamu bangsa yang terkecil di bumi."

Tuhan memilih orang-orang Israel untuk menjadi umat-Nya yang istimewa. Sebagai sebuah Gereja, kita adalah orang-orang Israel yang benar pada hari ini. Jadi Firman ini juga ditujukan kepadamu. Firman-Nya, "Aku memilih kamu bukan kerana kamu merupakan bangsa terbesar di bumi." Bagi kita, Ia akan berbunyi demikian, "Aku memilihmu bukan kerana semua yang kamu lakukan itu benar atau kerana kamu seorang yang hebat."

Dia meneruskan dengan berkata bahawa mereka lebih sedikit daripada orang lain. Jika kamu seperti saya, mungkin kamu berfikir bahawa kamu lebih buruk daripada orang lain sebelum diselamatkan. Di dalam ayat 8 Firman Tuhan menyatakan, "Tetapi TUHAN mengasihi kamu, dan Dia hendak memenuhi janji yang dibuat-Nya dengan nenek moyang kamu. Itulah sebabnya Dia menyelamatkan kamu dengan kuasa-Nya yang besar, dan membebaskan kamu daripada diperhambakan oleh raja Mesir."

Tuhan mengatakan, "Aku telah menetapkan kasih-Ku padamu, dan Aku telah mengatakan

bahawa kamu suci dan istimewa. Aku memilihmu bukan kerana engkau baik dan hebat, tetapi kerana Aku mengasihimu." Tahukah kamu apa yang Tuhan mahu kamu lakukan pada hari ini? Dia mahu kamu menerima kasih-Nya.

Masalah terbesar bagi kebanyakan kita ialah tidak menyukai diri sendiri. Justeru itu, kita tidak percaya bahawa Tuhan atau sesiapa dapat mengasihimu. Kita berfikir, Bagaimana mereka dapat mengasihimu saya sedangkan saya seorang yang jahat? Jika kamu percaya kamu seorang yang keji dan hodoh, kamu akan berfikir, menanggapi dan bertindak seperti itu. Kamu tidak dapat menonjolkan imej sebenar diri kamu.

Masalah terbesar saya ialah tidak menyukai diri sendiri dan saya telah menggunakan sekurang-kurangnya 75 peratus masa saya untuk mengubah diri saya. Saya beranggapan yang saya terlalu banyak bercakap dan berusaha untuk menjadi seorang pendiam. Tetapi apabila saya menjadi pendiam, saya merasa tertekan dan semua orang ingin mengetahui mengapa saya berdiam diri. Lalu saya akan berfikir begini, "kamu telah

mengatakan bahawa saya bercakap besar. Tinggalkan saya sendirian. Saya mahu menjadi pendiam."

Saya tidak dapat memberitahu berapa lama saya melaluinya. Walaupun demikian, saya tetap menghadapi masalah dengan mulut saya. Biasanya kebanyakan orang yang sangat suka bercakap akan mendapat pasangan yang pendiam. Itu memburukkan lagi keadaan dan iblis akan sentiasa memperingatkanmu tentang hal ini. Akhirnya kamu akan sentiasa dibelenggu oleh rasa bersalah, seolah-olah kamu telah dikutuk.

Tuhan mahu kamu bebas dari kutukan, tetapi ia memerlukan iman dan kebijaksanaan. Tahukah kamu, walaupun kamu merasa sangat bersalah ia tetap tidak dapat menebus kesalahanmu? Amat susah untuk mempercayai bahawa Tuhan mengasihimu setelah kamu melakukan kesalahan.

Iblis sentiasa menggodamu dengan fikiran-fikiran betapa jahat, keji dan hodohnya kamu. "Kau telah melakukannya,"katanya. "Menurutmu siapakah engkau ini? Tuhan tidak akan

memberkatimu kerana kamu keji. Kini kau tidak dapat bersaksi kepada sesiapa pun. Kau tidak dapat melakukan apa yang benar."

Pada saat itulah kamu memerlukan kebijaksanaan untuk bangkit dan berkata, "Bapa, saya telah melakukan kesilapan, dan saya mohon pengampunan dosa melalui darah Yesus. Saya mohon pengampunan-Mu dengan sungguh-sungguh. Pergi dari sini, iblis. Yesus telah menebus dosa saya dan itu bukan urusanmu!" Lalu kamu akan menjadi gembira dan bersukacita. Mungkin kamu akan berfikir demikian, "Aku selalu mengulangi perbuatan bodoh ini." Saya juga pernah memikirkan demikian sehinggalah saya berhenti mengutuknya. Apabila kamu berhenti mengutuk perkara yang kamu lakukan, kamu akan berhenti melakukannya.

Rasa bersalah sering menekan hidupmu. Kebijaksanaan mengelakkan seseorang itu daripada kutukan. Kamu harus bijak dan bertumbuh dalam iman, bangkit dan {mengatakan tidak kepada dosa}. Iblis akan berkata kepadamu, "Betulkah kamu tidak tertekan dengan

hal itu? Sekurang-kurangnya kamu akan merasa tertekan untuk beberapa jam. Kamu telah melakukan perkara yang sangat teruk. " Kamu hanya perlu katakan begini, "Tidak. Aku tidak akan merasa tertekan." Pada mulanya ia agak payah, tetapi ia hanya mengambil masa sebanyak 3 atau 4 kali, dan kamu akan melepasiya.

Yesaya 53:5,6 dan 11 dalam {Amplified Bible} mengatakan bahawa Yesus telah memikul dan menanggung dosa kita (termasuk kutukan). Iblis tidak mahu kamu dibebaskan dari kutukan kerana kasih Tuhan tidak dapat kamu nikmati apabila berada dalam kutukan. Kutukan menghalang hubunganmu dengan Tuhan. Kamu hanya dapat melihat dosa dan tidak dapat melihat Tuhan Bapa apabila kamu berada dalam dosa.

Bebaskan dirimu dari kutukan dan percayalah apabila Tuhan mengatakan anugerah-Nya mampu menutupi dosamu, itu adalah benar. Dia mengasihimu dan memberikan anugerah dan pengampunan-Nya dengan percuma. Terimalah ia hari ini juga!

Tuhan mengasihimu!

# 3

## **Kasih ialah Suatu Perhubungan**

"Kita sendiri tahu (memahami dan menyadari melalui pemerhatian dan pengalaman) dan benar-benar yakin (beriman dan bergantung padanya) bahawa Tuhan mengasihi kita. Tuhan itu kasih. Sesiapa yang sentiasa mengasihi orang lain, hidup bersatu dengan Tuhan, dan Tuhan hidup bersatu dengan dia."

1 Yohanes 4:16

Bagaimana supaya kamu lebih menyadari akan kasih Tuhan? Walaupun Tuhan sangat mengasihimu, ia tidak akan memberi apa-apa kebaikan bagimu jika kamu tidak menyedarinya. Tahukah kamu betapa bahagianya jika ada seseorang menunjukkan kesungguhan kasihnya padamu? Kamu akan merasa sangat bahagia dan segala sesuatu menjadi mudah bagimu. Tuhan mengasihimu dan Dia mahu menyatakannya

kepadamu. Sepanjang masa Dia mahu kamu meluangkan masa bersama-Nya.

Adakah kamu mempunyai hubungan peribadi yang benar dengan Tuhan? Faktor diselamatkan suatu masa dahulu tidak bermakna kamu menikmati persekutuan yang sepenuhnya dengan Tuhan. Apabila saya membuka mata saya pada waktu pagi, perkara pertama yang saya fikirkan ialah Tuhan, dan Dia jugalah perkara terakhir yang saya fikirkan sebelum tidur pada waktu malam. Tiada perkara lain yang saya inginkan di dalam dunia yang luas ini selain daripada melayani Tuhan dan menyenangkan hati-Nya. Dan ia sangat bernilai sehingga kamu harus bersungguh-sungguh melakukannya.

Ada satu ruang di dalam hidup kita yang hanya dapat dipenuhi oleh Tuhan. Mungkin kamu berkata begini, " Aku tahu hal itu dan aku telah menerima Yesus." Tetapi adakah kamu menerima-Nya setiap saat dan dalam apa jua situasi? Adakah kamu menerima kasih-Nya?

Tuhan mengasihimu dan kamu istimewa bagi-Nya. Dia mencipta kita untuk bersekutu dengan

Dia. Ini adalah kerinduan utama Tuhan serta rencana-Nya yang sempurna dalam hidupmu. Setiap pagi Dia bersandar di takhta-Nya dan berkata, "Selamat pagi, Aku mengasihimu."

Seorang sahabat saya telah mendapat satu visi ketika dia sedang berdoa. Dia melihat Bapa pergi ke rumah orang-orang Amerika ketika mereka bangun pada waktu pagi. Dia masuk dan bersedia untuk bersekutu dan berbicara dengan mereka. Dia mendapatkan sebuah kerusi lalu duduk. Orang-orang itu bangun lalu datang dan berlalu pergi begitu sahaja. Mereka asyik berkata begini kepada Tuhan, "Nanti. Tunggu di sana sekejap lagi, Tuhan. Apabila saya sudah selesai dengan hal ini, saya akan berbicara dengan-Mu. Saya akan bersekutu dengan Engkau kemudian. Nanti, Tuhan. Nanti, Tuhan."

Hari tiba ke penghujungnya, dan hati sahabat saya yang melihat hal ini hancur kerana dia melihat Tuhan meninggalkan rumah itu dengan hampa. Tiada seorang pun yang datang dan berbicara dengan-Nya pada hari itu.

Jangan menjadi terlalu sibuk. Jika kamu

tidak mempunyai masa untuk berdoa dan bersama-sama dengan Tuhan, itu menunjukkan kamu terlalu sibuk. Ambil masa untuk memberitahu Tuhan bahawa kamu sangat mengasihi-Nya. Jika kamu tidak memiliki hubungan dengan Tuhan, agak terlambat untuk memulakannya. Itu tidak bermakna kamu tidak dapat pergi ke syurga, tetapi kamu telah kehilangan sukacita dalam kemenangan hidup.

Saya mencadangkan supaya kamu mengkhususkan masa setahun dan membiarkan Tuhan mengasihimu. Hentikan cubaanmu untuk berjalan sendiri di dalam iman dan jadilah pahlawan iman. Bertindaklah seperti kanak-kanak kecil yang merangkak naik ke pangkuan Bapa dan membiarkan Dia mengasihimu. Kamu tidak dapat mengasihi-Nya sehinggalah kamu membiarkan-Nya mengasihimu.

1 Yohanes 4:16 mengatakan demikian,

"Kita sendiri tahu (memahami dan menyedari melalui pemerhatian dan pengalaman) dan benar-benar yakin (beriman dan bergantung padanya) bahawa Tuhan mengasihi kita."

Adakah kamu bangun pagi tadi dan memberikan masa untuk merenungkan kasih-Nya terhadapmu? Biasanya kamu tidak berfikir untuk melakukan apa-apa sebaik sahaja terjaga pada waktu pagi. Gunakanlah mulutmu untuk mengaktifkan tubuhmu dan benarkan rohmu bangkit dan melakukan semua perkara yang ajaib.

Jadi apabila kamu bangun pada waktu pagi, mulakan dengan berkata, "Oh Bapa, saya mengucapkan syukur kerana Engkau sangat mengasihi saya dan telah mengutus Yesus mati untuk saya. Oh Bapa, saya mengucapkan syukur kerana saya bersama-sama dengan Roh Kudus dan kuasa kebangkitan diam di dalam saya. Saya juga mengucapkan syukur kerana saya menjadi berkat ke mana sahaja saya pergi pada hari ini. Tuhan, Engkau mengasihi saya, di sini, di rumah kecil ini. Engkau mengasihi saya! Saya anak-Mu yang istimewa dan saya adalah biji mata-Mu. Engkau mengasihi saya!

Berbicaralah kepada dirimu sendiri dan sedarlah bahawa kamu dipenuhi dengan kasih Tuhan. Alkitab mengatakan Tuhan telah menulis

namamu pada tapak tangan-Nya.(Yes.49:16.)  
Saya dapat melihat Dia berkata dari atas sana,"Lihat, bukankah dia menarik? Aku sangat mengasihinya. Lihatlah anak-anak-Ku yang ada di tapak tangan-Ku." Dia meletakkanmu di sana untuk memperingatkanmu terus-menerus bahawa Dia mengasihimu dan Dia sangat rindu bersekutu denganmu.

Mengucap syukurlah di hadapan Tuhan dan binalah hubungan melalui persekutuan dengan-Nya. Rendahkan dirimu ketika berdoa dan mengucap syukurlah kepada Tuhan kerana kamu telah diselamatkan. Kasihilah Tuhan. Firman-Nya di dalam 1 Yohanes 4:16,17,

"...Tuhan itu kasih. Sesiapa yang sentiasa mengasihi orang lain, hidup bersatu dengan Tuhan, dan Tuhan hidup bersatu dengan dia."

"Kasih itu disempurnakan dalam diri kita, supaya kita beroleh keberanian pada Hari Kiamat kelak." Apabila kamu tahu bahawa Tuhan mengasihimu, kamu akan memiliki keyakinan dan percaya di dalam kesetiaan-Nya.

Kerelaanmu membiarkan Tuhan mengasihimu membolehkan kamu menerima semua berkat iaitu iman yang lebih besar, kemenangan di atas dosa, kesembuhan, kemewahan dan sukacita.

Kita sering berfikir, "Saya harus mengasihi Tuhan." Saya percaya perkara utama yang harus kamu lakukan ialah membiarkan Tuhan mengasihimu. Saya tidak percaya kamu dapat menyatakan kasih kepada-Nya sehinggalah kamu membiarkan-Nya mengasihimu.

Saya boleh memberitahu kamu supaya bersekutu dengan Tuhan dan bersungguh-sungguh dalam hal ini, tetapi bagaimana kamu dapat melakukannya? Apabila Tuhan memberitahu saya supaya bersekutu dengan-Nya, saya bingkas bangun dari kerusi lalu berkata, "Sekarang bagaimana, Tuhan?" Benar! Saya tidak tahu bagaimana bersekutu dengan Tuhan kerana pada saat itu saya tidak tahu betapa besarnya kasih Tuhan terhadap saya.

Apabila kamu tidak pasti sama ada orang lain mengasihi kamu, adakah kamu menyatakan

perasaanmu dengan hanya mengasihi mereka? Pasti kamu bimbang melakukannya. Kamu merasa selesa dengan orang-orang yang kamu tahu akan mengasihi dan menerimamu. Perbualan dan hal yang tidak dapat saya lakukan dengan orang lain dapat saya lakukan dengan suami saya kerana saya tahu dia mengasihi saya. Demikian jugalah dengan Tuhan. Bersama Dia kita dapat bualkan dan lakukan apa sahaja kerana Dia mengasihi kita.

Jadi, mulakanlah langkah baru. Beri peluang kepada Tuhan dan Dia akan mengajarmu bagaimana bersekutu dengan-Nya. Selidiki peribadimu dengan persoalan ini: Adakah saya merasa selesa dengan Tuhan?

Tuhan mengasihimu!

# 4

## **Kasih, Kepercayaan dan Iman**

"Kerana pada masa kita bersatu dengan Kristus Yesus, bersunat atau tidak bersunat tidaklah menjadi soal. Yang penting hanyalah kepercayaan kepada Kristus, dan hal itu nyata dalam kasih kita kepada orang lain."

Galatia 5:6

Kebanyakan kita menghabiskan masa yang banyak dengan cubaan untuk memiliki iman. Kita tahu bahawa tanpa iman adalah mustahil bagi kita untuk menyenangkan hati Tuhan (Ibr.11:6), jadi kita harus bekerja dan berusaha sedaya-upaya untuk menambahkan iman kita. Iman lahir dari hati, dan kamu memperolehinya melalui persekutuan kasih dengan Tuhan. Saya boleh mengajarkan prinsip-prinsip iman, membuatkan kamu lapar dan sanggup melakukan apa saja

untuk mendapatkannya. Ini hanya diperoleh melalui wahyu daripada Tuhan.

Hentikan cubaanmu untuk memiliki iman dan menyenangkan hati Tuhan. Gunakanlah masa dan usaha itu untuk bersama-sama dengan Tuhan dan kasihi Dia, serta biarkan Dia mengasihimu.

"Hidup kami berdasarkan kepercayaan kepada Kristus (kami mengatur dan memimpin kehidupan kami sendiri berdasarkan keyakinan terhadap hubungan manusia dengan Tuhan), dan bukan berdasarkan apa yang dapat dilihat."

2 Korintus 5:7

Ketika saya membaca ayat itu, Tuhan mula berbicara tentang hal-hal dinamik di dalam hati saya. Dalam segala sesuatu perkara di dalam hidup ini, saya mahu hidup di dalam iman.

Dalam erti kata lain, *saya hanya dapat berjalan di dalam iman berdasarkan kepercayaan saya mengenai hubungan saya dengan Tuhan.* Adakah kamu mengerti hal ini? Seorang individu

yang merasa bersalah akan lupa berjalan di dalam iman. Individu yang melihat dirinya seperti ulat tua di dalam debu dan berfikir Tuhan tidak mengasihinya juga akan lupa berjalan di dalam iman. Ramai orang cuba berjalan di dalam iman tetapi mereka tidak mempunyai perkara-perkara ini di dalam hati mereka.

Galatia 5:6 mengatakan iman bekerja melalui kasih. Tuhan menaruh hal ini di dalam hati saya: "Semua orang fikir maksud ayat ini ialah jika mereka tidak mengasihi orang lain, iman mereka tidak akan bekerja. Maksud sebenarnya ialah jika mereka tidak tahu betapa Aku sangat mengasihi mereka, iman mereka tidak akan bekerja." Iman tidak akan bekerja tanpa kasih, dan kemampuanmu bukan untuk mengasihi orang lain tetapi membiarkan Tuhan mengasihimu.

Terdapat satu perbezaan besar di dalam hal itu. Percaya kepada Tuhan dan berjalan di dalam iman ialah bersandar kepada-Nya dan mempercayai-Nya dalam segala sesuatu. Kamu tidak dapat melakukannya terhadap orang lain jika kamu tidak tahu bahawa dia mengasihimu,

dan kamu akan melupakannya. Kamu tidak berupaya untuk mempercayai Tuhan jika kamu tidak tahu bahawa Dia mengasihimu.

Jika kamu benar-benar tahu bahawa Tuhan mengasihimu, akan lebih mudah bagimu untuk menerima kesembuhan. Masalah dalam keperluan kewanganmu juga akan berkurang.

Kamu sebenarnya sukar untuk mempercayai bahawa Tuhan memberikannya kepadamu, dan kamu tidak dapat menerima hal ini. Mungkin kamu berkata, "Saya mahu mempercayainya, tetapi bagaimana?"

Kasih Tuhan ada di dalammu, dan kamu harus menyedarinya apabila Dia menunjukkannya kepadamu. Alkitab mengatakan, "Kita mengasihinya, kerana Tuhan mengasihi kita terlebih dahulu." (1 Yohanes 4:19). Adalah mustahil bagi kamu untuk mengasihi Tuhan jika kamu tidak yakin bahawa Dia mengasihimu terlebih dahulu.

Semuanya ada di dalam hatimu. *Tuhan mengasihimu! Kamu hebat, menarik dan sangat*

*berharga! Tuhan mengasihimu!* Tiada seorang pun di dalam dunia ini mengasihimu seperti yang Tuhan lakukan kepadamu.

Kamu tidak *memerlukan* sesiapa kecuali Tuhan, namun Dia akan memberikan orang lain di dalam hidupmu. Satu hal yang pasti ialah jika tiada orang lain melainkan kamu dan Tuhan, hidupmu tetap akan berjalan dengan baik. Tuhan akan menjadi sahabat baikmu. Jika kamu keseorangan, Dia akan menemanimu. Dia akan menjadi ibu atau ayah jika kamu tidak mempunyai seorangpun di antara mereka.

Tuhan sangat mengasihimu. Sebab itulah kamu boleh mempercayai-Nya dalam segala sesuatu. Dia sangat mengasihimu dan ketahuilah bahawa Dia mahu kamu memilikinya. Kamu tidak akan bertumbuh di dalam iman yang sempurna untuk menerima apa saja, sehinggalah kamu menyedari hal ini.

*Iman hanya akan nyata jika kamu membiarkan Tuhan mengasihimu.* Ia tidak akan bertumbuh dengan kemampuanmu untuk mengasihi orang lain. Biarkan Tuhan mengasihimu

dan dalam setiap kehidupanmu katakan padanya, "Oh Tuhan, saya tahu Engkau mengasihi saya. Haleluya! Bapa, terpujilah Engkau. Saya mahu memuliakan nama-Mu."

Smith Wigglesworth merupakan rasul yang taat kepada Tuhan. Seseorang telah bertanya sama ada dia mempunyai masa yang panjang untuk berdoa, dan dia berkata, "Saya jarang berdoa lebih daripada 30 minit, tetapi saya jarang pergi ke mana-mana selama 30 minit tanpa berdoa." Dia juga berkata jika dia pergi lebih daripada 15 minit dalam satu masa tanpa berbicara dengan Tuhan, dia mesti bertaubat.

Kita mencuba mendapatkan sesuatu dengan cara yang salah. Ia tidak akan berhasil dengan usahamu sendiri. Tuhan akan memberkatimu kerana Dia mengasihimu, dan akan memberikannya dengan cara yang sama seperti ketika Dia memberikan keselamatan kepadamu dulu.

Kamu tidak dapat menyelamatkan seorang ahli keluargamu atau siapa saja dengan usaha

sendiri. Biarkan Tuhan mengasihimu, dan apabila kamu melihat dia, kamu akan bersedia untuk mengasihinya. Alkitab mengatakan jika kamu mahu mengasihi mereka dan berhenti memenangkan mereka dengan perkataan dan caramu sendiri, kamu akan membawa mereka kepada Yesus. Roh Tuhan akan membawa keluargamu melalui kasih-Nya. Walau bagaimanapun, kamu tidak dapat mengasihi orang lain jika kamu tidak membiarkan Tuhan mengasihimu terlebih dahulu.

Efesus 2:8 mengatakan, "Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Tuhan, kamu diselamatkan.." Adakah kamu sedar bahawa kamu tidak perlu melakukan apa-apa untuk diselamatkan? Kebanyakan kita bersikap keji dan jahat sama seperti ketika Yesus menyelamatkan kita dahulu, dan ia sama sekali tidak berdasarkan pada usaha yang baik atau kemampuan kita untuk melakukan apa yang benar. Sebab utamanya ialah Tuhan sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal. (Yohanes 3:16.)

Anugerah juga dapat ditakrifkan sebagai kerelaan Tuhan menggunakan kemampuan-Nya untuk memenuhi setiap keperluan hidupmu. Melalui anugerah-Nya, Tuhan telah memberikan iman supaya kamu diselamatkan. Dan kerana kasih-Nya Dia juga telah memberimu iman untuk percaya bahawa Dialah Penyembuh dan Pemberimu.

Jika iman yang diberikan-Nya mampu menyelamatkanmu dari dosa, maka iman yang sama juga dapat memenuhi semua keperluan hidupmu. Jika kamu percaya bahawa Tuhan mengasihimu dan bersungguh-sungguh untuk mengetahuinya, kamu juga akan mula mempercayai-Nya. Kamu akan diyakinkan tentang kebenaran Firman Tuhan dan tahu bahawa Dia tidak pernah membohongimu kerana Dia mengasihimu.

Menurut Amplified Bible, "iman" ialah "menyerahkan seluruh peribadimu kepada Dia"[Tuhan] "dalam kepercayaan dan keyakinan tentang kuasa, hikmat dan kebaikan-Nya" (Kol. 1:4). Ketika kamu membenarkan Tuhan

mengasihimu, kamu akan belajar mengasihi dan mempercayai-Nya, dan kamu akan memiliki iman.

Tuhan mengasihimu!

# 5

## Bebas Daripada Ketakutan

"Orang yang menikmati kasih Tuhan tidak mengenal perasaan takut (ketakutan tidak wujud), kerana kasih yang sempurna melenyapkan segala perasaan takut. Oleh itu, orang yang belum menikmati kasih Tuhan dengan sempurna (belum dewasa di dalam kesempurnaan kasih) akan takut menghadapi hukuman pada Hari Kiamat."

1 Yohanes 4:18

Biasanya kita tidak menghadapi masalah dalam iman, yakin bahawa Tuhan mengasihi kita dan percaya kepada-Nya, sehinggalah sesuatu menimpa kita secara tiba-tiba.

Keadaan ialah penggugat iman yang terbesar, **iaitu apabila kita menghadapi perkara-perkara**

buruk. Kamu tidak mempunyai masalah untuk percaya bahawa Tuhan mengasihimu sehinggalah keadaan seolah-olah menunjukkan Tuhan adalah sebaliknya.

Lalu iblis datang membawa ketakutan dan kutukan untuk memisahkanmu daripada kasih Tuhan yang berupaya membebaskanmu. Iblis berkata, "Aku fikir Tuhan mengasihimu. Tapi mengapa perkara-perkara buruk berlaku ke atasmu? Pasti kamu telah melakukan sesuatu yang dahsyat dan Tuhan sangat marah terhadapmu."

Kamu hilang keyakinan di hadapan Tuhan dan Dia tidak dapat menolongmu jika kamu tidak berasa yakin. Kamu tidak akan menjadi yakin atau dipenuhi dengan iman jika kamu tidak mengetahui bahawa Tuhan mengasihimu. Dan apabila kamu menerima ketakutan dan kutukan dari si iblis, kamu juga tidak tahu bahawa Tuhan sangat mengasihimu.

1 Yohanes 4:18 mengatakan satu perkara yang sangat hebat dan berkuasa "...kasih yang

sempurna melenyapkan segala perasaan takut." Saya merenungkan ayat itu berkali-kali dan mencuba menmbayangkannya. Dan pada suatu hari Tuhan telah menyingkapkannya. Kasih yang sempurna melenyapkan segala perasaan takut, dan kasih yang sempurna itu {ialah} Tuhan. Apabila kamu menyedari betapa sempurnanya kasih itu terhadapmu, tiada perkara yang perlu kamu takuti lagi. Jikalau secara peribadi kamu menemui pendedahan bahawa Tuhan mengasihimu, ia akan menjadi satu perkara yang mustahil bagimu untuk takut pada sesuatu.

Adalah mustahil bagimu untuk takut pada kegagalan jika kamu tahu bahawa Tuhan mengasihimu. Jika kamu bergantung kepada Tuhan, kamu tidak akan gagal. Kamu hanya akan menemui kegagalan jika kamu bergantung pada diri kamu sendiri. Kamu tidak akan takut pada kegagalan dan penolakan jika kamu tahu bahawa Tuhan sangat mengasihimu.

Kasih Tuhan sangat besar sehingga ia menutupi segala sesuatu. Adakah kamu berfikir bahawa Tuhan yang telah menyelamatkan dan

membebaskanmu akan mengutukmu? Iblis adalah pengutuk. Tuhan akan menghukummu kerana dosa hidupmu namun Dia juga akan menunjukkan jalan keluar bagimu.

Di dalam Amplified Bible, ayat ini berbunyi begini:

"Orang yang menikmati kasih Tuhan tidak mengenal perasaan takut (ketakutan tidak wujud), kerana kasih yang sempurna melenyapkan segala perasaan takut. Oleh itu, orang yang belum menikmati kasih Tuhan dengan sempurna (belum dewasa di dalam kesempurnaan kasih), akan takut menghadapi hukuman pada Hari Kiamat."

I Yohanes 4:18

Ramai orang berpendapat bahawa maksud ayat itu ialah jika kamu boleh mengasihi saya, maka kamu tidak perlu takut pada saya. atau jika kamu boleh mengasihi orang lain, maka ketakutan akan meninggalkan hidupmu. Maksud ayat itu bukan demikian.

Maksudnya ialah, kamu tidak perlu takut jika kamu tahu bahawa Tuhan mengasihimu. Biarkan Tuhan mengasihimu kalau kamu tidak mahu memiliki ketakutan di dalam hidupmu. Terimalah kasih Tuhan pada saat ini melalui imanmu.

Selepas Tuhan memberikan wahyu tentang kasih-Nya yang melenyapkan segala ketakutan, saya harus mempraktikkannya. Kami pernah mengalami masalah dengan kereta kami tetapi kami menggunakannya berterusan kerana kami tidak mempunyai wang yang banyak untuk menggantikan gear yang kami fikirkan telah rosak.

Tuhan melayani saya pada pagi itu dan berkata, "Joyce, kasihilah Aku sepanjang masa dan biarkan Aku mengasihimu. Kamu tidak perlu melakukan apa-apa dan tidak perlu menjadi pahlawan iman. Biarkan-Ku mengasihimu sepanjang masa."

Lalu saya menyemarakkan iman saya dengan menaikkan pujian untuk Tuhan dan menikmati

saat yang menggembirakan. Tiba-tiba saya terdengar suami saya kembali ke garaj sedangkan sebelum itu dia telah berusaha selama 45 menit! Dia membuka pintu dan berkata, "Saya tidak dapat mengeluarkan kereta itu dengan gear satu dan kita harus membawanya masuk semula."

Saya menutup pintu dan mulai tertawa. Ia berlaku secara spontan dan Tuhan menunjukkan kepada saya bahawa tindakan saya membiarkan Dia mengasihi saya telah membolehkan saya ketawa. Membiarkan Tuhan mengasihimu akan membuka pintu keimananmu. Saya mula tertawa dan itu adalah iman.

Abraham tertawa dalam iman apabila Tuhan datang dan memberitahu bahawa dia akan mempunyai seorang anak lelaki. Abraham tertawa dan berkata, "Saya percaya." Sara pula tertawa dalam keraguan dan ketidakpercayaan, dan Tuhan telah menegurnya. Sebaliknya Tuhan tidak memperbetulkan Abraham kerana dia tertawa dalam iman.

Apabila iblis datang menentangmu dan

usahanya tampak sangat bodoh dan menggelikan hati, ketawalah dalam iman kerana kamu kenal sangat dengan Tuhan dan iblis tidak dapat menakutimu. Kamu tahu bahawa Tuhan mengasihimu dan kasih-Nya menaungimu.

Ketika saya ketawa disebabkan masalah gear kereta itu, Tuhan berbicara di dalam hati saya dengan suara kecil yang sangat berkuasa. Dia katakan kepada saya sebanyak tiga kali, "Joyce, jika kamu memberikan kerjasama seperti ini dengan-Ku, Aku sekali-kali tidak akan mengecewakanmu." Suara itu seolah-olah wujud di dalam setiap ruang rumah saya. "Aku sekali-kali tidak akan mengecewakanmu. Aku sekali-kali tidak akan mengecewakanmu."

Jika kamu bersandar pada Tuhan, membiarkan Dia mengasihimu dan kamu mengasihi-Nya, kamu akan lupa akan segala usahamu sendiri untuk bertindak dalam iman. Kasih Tuhan akan terbit di dalammu dan akan melenyapkan segala ketakutan.

Tuhan mengasihi mu!

# 6

## Jangkauan Kasih

"Inilah perintah yang diberi oleh Kristus kepada kita: Sesiapa yang mengasihi Tuhan mesti mengasihi saudaranya orang yang percaya juga."

1 Yohanes 4:21

Kamu adalah anak-anak-Nya yang istimewa dan Dia mengatakannya di dalam Ulangan 7:6. Jika kamu mula bertindak seperti itu, kamu akan mula mengubah dunia. Kamu akan masuk ke dalam pasar raya dengan senyuman di muka lalu mencapai troli dan berkata, "Segala sesuatu yang saya sentuh telah diberkati. Haleluya! Semuanya diberkati kerana saya ada di dalam gedung ini. Glori!" Dan berjalanlah di dalam gedung itu sambil bersiul dan menyanyi kerana ke mana pun kamu pergi, kamu adalah istimewa.

Apabila kita mula mengetahui betapa

istimewanya kita dan mula bertindak seperti Tuhan mengasihi kita, kita boleh memenangkan dunia ini untuk Yesus. Kasih akan tersebar dengan cepat sekali. Tetapi ia tidak akan mendatangkan kebaikan jika kamu memberitahu orang lain bahawa kamu seorang Kristian, kemudian menderam ke arah mereka. Kamu berkata, "Saya seorang Kristian - Saya seorang Kristian," tetapi apabila sebuah kereta memotong di hadapanmu, kamu katakan, "Ketepi, bodoh! Tidakkah kau tahu aku mahu ke gereja? Aku akan lambat ke persekutuan itu!"

Itu adalah antara beberapa perkara yang kadang-kadang kita lakukan. Adakah kamu bersedia mencapai kemenangan? Jangkaulah kemenangan itu di dalam roh dan katakan demikian, "Iblis, telah sekian lama kau membawaku di dalam pembohongan dan ketakutan. Aku manusia yang istimewa dan aku akan mendapat kemenangan di dalam nama Yesus kerana Tuhan mengasihiku, dan kau tidak dapat melakukan apa-apa!"

Kasih Tuhan yang ada di dalammu akan

membebaskanmu daripada ketakutan, dan kamu tidak perlu takut untuk menjangkau orang lain dengan kasih. Tuhan mahu kamu percaya apabila Dia mengatakan bahawa Dia akan melakukan perkara-perkara yang lebih besar melaluimu kerana Yesus telah pergi kepada Bapa-Nya. Adakah kamu benar-benar percaya bahawa Tuhan akan memakaimu? Tuhan akan memberi menurut kepercayaanmu pada-Nya. Kamu tidak boleh takut untuk melangkah.

Saya tidak dapat memberitahu kamu berapa kali saya berdiri di tebing iman yang curam dan melakukan sesuatu yang menakutkan, dan Tuhan berkata, "Mari Joyce. Aku akan melakukan hal-hal yang besar melaluimu. Mari." Lalu saya melompat keluar dari situ dan Tuhan ternyata tidak pernah membiarkan saya.

Tahukah kamu mengapa saya tidak takut untuk melangkah keluar dan menghadapi kegagalan? Kerana saya tahu Tuhan sangat mengasihi saya. Dia mengasihi saya dan Dia tahu saya mengasihi-Nya. Melalui kebaikan-Nya saya menyerahkan hidup saya kepada-Nya. Jika kamu

telah melakukannya dan kamu mengasihi Tuhan, dan Dia mengasihimu, maka tiada satu pun persoalan yang tidak dapat kamu atasi.

"Apakah yang dapat menghalang Kristus mengasihi kita? Tiada sesuatu pun yang dapat menghalang Kristus mengasihi kita : baik kesusahan, kesukaran, penganiayaan, kelaparan, kemiskinan, bahaya mahupun kematian.

"Seperti yang tertulis di dalam Alkitab,

"Sepanjang masa kami menghadapi bahaya maut kerana Engkau.

Kami diperlakukan seperti domba yang akan disembelih."

"Tidak! Dalam semuanya kita mendapat kemenangan yang sempurna daripada Dia yang mengasihi kita!

"Aku yakin bahawa tiada sesuatu pun dapat menghalang Kristus mengasihi kita : baik kematian mahupun kehidupan, baik malaikat

mahupun penguasa lain di angkasa, baik hal-hal yang berlaku sekarang mahupun pada masa yang akan datang;

"baik hal-hal yang di langit mahupun yang di bumi - tidak ada sesuatu pun di alam semesta yang dapat menghalang Tuhan mengasihi kita, seperti yang sudah ditunjukkan-Nya melalui Kristus Yesus, Tuhan kita!"

Roma 8:35-39

Mungkin kamu tidak dapat memikirkan betapa Tuhan ingin sekali membebaskanmu. Tuhan terluka apabila kamu bersedih. Kadang-kadang kamu bangun dan bermasam muka sepanjang hari. Kamu menendang kucing, menjerit ke arah anak-anak, membenci jiran-jiran dan mempamerkan wajah yang meradang dan asyik merungut. "Saya bekerja, bekerja, dan bekerja tetapi tiada seorangpun yang menghargainya."

Saya tahu bagaimana tindakan kamu kerana saya juga pernah melakukannya. Apabila anak-anak pulang ke rumah, kamu akan berfikir begini, Mengapa kamu tidak berada di sekolah selama 14 jam sehari dan bukannya 7 jam?

Tahukah kamu bahawa itu melukakan Tuhan? Saya tidak bermaksud membuatkan kamu berasa lebih teruk tetapi saya cuba menyedarkan kamu. Jika kamu percaya Tuhan mengasihimu, kamu akan memberikan tindak balas kepada kasih itu dan kasih itu akan memenuhi hidupmu, dan mengalir untuk semua orang. Kamu bebas menjadi orang yang dikasihi dan mengalir di dalam buah-buah kebaikan.

Jika kamu berpegang pada kenyataan bahawa Tuhan mengasihimu, kamu akan menikmati kesembuhan dan kemewahan, dan semua keperluanmu akan dipenuhi. Mengapa? Kerana kamu akan mula beristirahat.

Sebab utama Tuhan tidak dapat memberikan sebahagian besar daripada apa yang Dia mahu berikan kepada kita ialah kesibukan kita. Kita sibuk berusaha untuk mendapatkannya sehingga Dia tidak dapat mengejar dan memberikannya kepada kita. Tuhan mahu kamu berehat di dalamnya dan mengasihi Dia. Dia mahu kamu membiarkan Dia mengasihimu dan kamu hanya menerimanya.

Jika kamu seorang pengasih, iblis tidak dapat menghentikan aliran itu kerana kamu akan menjadi seorang pemberi. Kamu tidak dapat mengasihinya tanpa memberi.

Bahagian akhir di dalam Ulangan 7:6 mengatakan. "...Dia memilih kamu untuk menjadi umat-Nya yang istimewa." Tuhan telah memanggilmu. Mungkin tugasmu ketika ini ialah berada di rumah bersama-sama dengan keluargamu, tetapi Tuhan telah memanggilmu. Jika kamu benar-benar mahu dipakai oleh Tuhan, kamu akan dipakai-Nya, tetapi kamu harus mengetahui bahawa Tuhan mengasihimu.

Jangan habiskan semua tenaga rohanimu dengan menumpukannya pada diri sendiri dan memenuhi keperluanmu. Katakan pada Tuhan apa yang kamu kehendaki dan kembangkan imanmu untuk memenuhi keperluan orang lain. Yesus akan berdoa dan mencari wajah Bapa-Nya untuk memenuhi keperluan semua orang-orang yang telah menghadiri seminar iman-Nya.

Kemudian Dia akan menyampaikan

Firman-Nya kepada mereka, menghulurkan tangan-Nya dan mereka akan menerima mukjizat. Dia bukan duduk di suatu sudut dan berusaha mempercayakan kepada Tuhan untuk memenuhi perkara-perkara yang Dia perlukan.

Beritahu Dia apa yang kamu mahu, tetapi semuanya harus merupakan perkara-perkara yang rasional. Malah keinginan utama hidupmu sepatutnya adalah untuk memenuhi keperluan orang lain.

Maksud yang tepat bagi kemewahan sebenar ialah menggunakan kemampuan Tuhan untuk memenuhi semua keperluan hidupmu. Kasih Tuhan akan memberimu kemampuan untuk lebih mengutamakan keperluan orang lain. Adakah kamu berfikir bahawa Tuhan mengasihimu supaya kamu dapat menjangkau dan mengasihi orang-orang yang sentiasa merungut dan tidak bertimbang rasa?

Kamu tidak perlu melakukan muslihat untuk mengasihi orang yang mengasihimu. Tetapi apabila kamu mengasihi orang yang tidak mudah

disayangi, kamu mendesaknya dan terus-menerus mengasihi mereka. Kasih Tuhan akan mengubah mereka.

Mungkin ia mengambil masa setahun, lima tahun atau 25 tahun tetapi ia tidak merugikan. Telah berapa lamakah Yesus menantimu?

Tuhan mengasihimu dan semua orang di sekelilingmu. Tuhan mengasihi baik orang yang telah diselamatkan mahupun yang masih di dalam dosa dan Dia mahu memakaimu menjadi saluran kasih-Nya.

Jangan takut untuk melangkah. Kasih Tuhan telah membebaskanmu daripada kutukan dan ketakutan, dan Dia memberimu kemampuan untuk mengasihi. Berazamlah untuk menyebarkan kasih-Nya dan bersahabatlah dengan semua orang. Jadilah berkat untuk jemaat di dalam Tubuh Kristus. Ajaklah mereka makan malam atau datang dan menziarahimu. Jabat tangan mereka dan ukirkan senyuman. Tuhan ada rencana untukmu dan Dia mahu memakaimu dengan cara-Nya yang tersendiri.

Ada jiwa yang hanya dapat dijangkau oleh kamu. Mohon petunjuk dari Tuhan bagaimana menjangkaunya dengan kasih Tuhan, dan Dia akan mengajarkannya kepadamu.

Tuhan mengasihimu!

# 7

## **Kasih Tuhan Akan Mengubahmu**

"Inilah kasih: Bukannya kita telah mengasihi Tuhan, tetapi Tuhan mengasihi kita dan mengutus Anak-Nya supaya melalui Dia dosa kita diampuni."

1 Yohanes 4:10

Tuhan mengasihi kita, tetapi pada pendapat saya, tidak ramai yang faham tentang hal ini. Melalui pelajaran ini Tuhan menunjukkan kepada saya bahawa jika kita benar-benar tahu betapa Tuhan sangat mengasihi kita, kita akan mengubah hidup kita.

Renungkan kasih Tuhan kepadamu dan itulah yang akan mengubahmu. Jika kamu tidak menyenangi sesuatu tentang dirimu, kesedaran

akan kasih Tuhan kepadamu akan mengubah sikapmu itu.

Apakah perasaanmu apabila kamu tahu ada seseorang mengasihimu? Bukankah ia menimbulkan rasa bahagia? Tuhan memberitahu saya bahawa sesetengah orang yang akan membaca buku ini membenci diri sendiri. Kamu benci perkara yang telah kamu lakukan dan tidak dapat menerima bahawa kamu adalah ciptaan baru, dan kamu terus-menerus bergumul dalam hal ini.

Kamu tidak akan menjadi istimewa jika kamu berterusan memikirkan hal-hal yang buruk tentang dirimu, membenci dirimu dan tidak menyedari bahawa kamu sebenarnya seorang yang istimewa. Alkitab mengatakan, "Sebab seperti orang yang membuat perhitungan dalam dirinya sendiri, demikianlah ia." (Amsal 23:7). Semuanya kerana kamu tidak berpegang pada kenyataan bahawa Tuhan mengasihimu.

Tuhan mahu kamu mendasarkan hidupmu pada-Nya setiap hari dan itulah yang akan

mengubahmu. Jika kamu tidak mengutamakan Tuhan, Dia berada di dalam posisi yang tidak dapat melakukan apa-apa untukmu. Untuk bertumbuh dan menjadi kuat secara rohani, kamu harus memberikan masa bersama-sama dengan Tuhan secara pribadi, mengasihi-Nya dan membiarkan-Nya mengasihimu.

Ramai orang memiliki sikap malas dan memilih untuk tidak melakukannya. Mereka lebih suka jika ada orang lain yang dapat melakukannya untuk mereka. Jangan membuat alasan. Setiap orang yang tidak memiliki persekutuan dengan Tuhan akan merasa bersalah setelah membaca buku ini, dan iblis akan datang berkata kepadanya, "Tetapi kamu telah melakukan perkara-perkara lain."

Iblis memberimu alasan demi alasan. Berserulah kepada Tuhan dengan sungguh-sungguh. Firman Tuhan dan persekutuan dengan-Nya akan mengubah hidupmu. Tuhan memberimu kemampuan untuk melakukannya. Kata Paulus di dalam Filipi 4:13, "Dengan kuasa yang diberikan oleh Kristus, aku berdaya menghadapi segala macam keadaan." Dengan kata lain, tiada

suatu apapun yang tidak dapat kamu lakukan melalui kuasa Yesus Kristus.

Kamu harus bangkit di dalam kuasa dan kemenangan untuk menghadapi semua masalah. Kamu akan menang apabila kamu menerima kasih Tuhan dan tidak mengendahkan kata-kata bohong si iblis yang mengatakan kamu seorang yang keji dan jahat.

Mungkin pada saat ini kamu seorang yang dahsyat tetapi kamu boleh mengubahnya jika kamu percaya bahawa kamu adalah ciptaan baru. Bangkit dan katakan, "Terpujilah Tuhan kerana saya seorang yang istimewa dan suci. Tuhan telah memilih saya dan menyucikan saya dengan Darah Anak Domba. Saya akan bertindak seperti itu. Iblis, saya tidak kisah berapa banyak kesilapan yang saya lakukan kerana Tuhan telah menyucikan saya dari dosa!

Tidak ada masalah yang dapat mengalahkanmu jika kamu "tahu" Tuhan mengasihimu. Kamu akan menang dalam semuanya itu.

Adakah kamu mahu menyelesaikan sesuatu perkara? Hanya dengan cara itu kamu dapat bertumbuh. Jika kamu tidak pernah mempunyai masalah untuk diselesaikan, bagaimana kamu dapat mengasah imanmu?

Bertumbuhlah melalui setiap masalah yang kamu hadapi. Ketahuilah apa yang Tuhan lakukan kerana Dia mengasihimu! Jika kamu bersandar pada-Nya, membiarkan-Nya mengasihimu dan kamu mengasihi-Nya, kamu akan melupakan semua usahamu untuk bertumbuh dalam iman. Dan kamu akan berehat.

Jika kamu membiarkan Tuhan mengasihimu dan kamu mengasihi-Nya, setiap masa kamu akan menjadi seperti seorang pemabuk -mabuk di dalam roh. Ia berlaku apabila keadaan tidak dapat menguasai dirimu kerana kamu sedang bertumbuh di dalam kasih Tuhan.

Tiga minggu setelah saya menerima baptisan Roh Kudus, saya merasakan diri saya mabuk di dalam kasih Tuhan. Orang lain terus-menerus mengatakan begini kepada saya, "Apa yang telah

terjadi? Saya tidak dapat mempercayainya. Kamu sangat berubah, Joyce. Apa yang telah berlaku?" Tiga minggu kemudian mereka datang lagi dan berkata, "Apa yang telah berlaku di dalam hidupmu?"

Saya tidak ada mengatakan sesuatu untuk membuktikan kepada mereka bahawa saya telah berubah tetapi mereka dapat melihatnya. Jika kamu bertindak di dalam kasih Tuhan, kamu akan mengukir senyuman sepanjang masa. Kamu akan menjadi seorang yang menarik serta memiliki tenaga dan kekuatan. Kamu juga dapat melayani orang lain kerana kamu sangat dipenuhi Roh Kudus dan semua keperluanmu turut dipenuhi.

Katakan kepada dirimu, "Tuhan mengasihi saya. Haleluya, Tuhan mengasihi saya. Saya ialah anak-Nya yang istimewa. Tuhan mengasihi saya!" Dan sekarang, terjunlah di dalam iman dan percayalah pada-Nya.

Tuhan sungguh-sungguh mengasihimu!

# Mengalami Hidup Baru

Sekiranya kamu belum pernah mengundang Yesus menjadi Tuhan dan Juruselamatmu, lakukannya sekarang juga. Kamu boleh berdoa dengan doa ini, dan jika dilakukan dengan sungguh-sungguh, kamu akan mengalami hidup baru di dalam Kristus.

Tuhan Bapa, saya percaya Yesus Kristus ialah Anak-Mu, Juruselamat dunia. Saya percaya Dia telah mati di kayu salib untuk saya, dan Dia menanggung semua dosa saya. Dia telah membayar harga dosa saya dan mengambil-alih hukuman yang sepatutnya saya tanggung. Saya percaya Yesus telah bangkit dari kematian dan kini duduk di sebelah kanan-Mu. Saya memerlukan Kau, Yesus. Ampuni dosa-dosa saya, selamatkan saya dan tinggallah di dalam saya. Saya mahu dilahirkan kembali.

Sekarang percayalah bahawa Yesus tinggal

di dalam hatimu. Kamu telah diampuni, dibenarkan, dan kamu akan ke surga.

Carilah sebuah gereja yang mengajarkan Firman Tuhan dan mulalah bertumbuh di dalam Kristus. Pengetahuan tentang Firman Tuhan akan mengubah hidupmu. Yohanes 8:31-32 mengatakan, "Jika kamu taat kepada ajaran-Ku, kamu benar-benar pengikut-Ku. Kamu akan mengenal Tuhan. Oleh itu kamu akan dibebaskan." Saya menasihati kamu supaya berpegang pada Firman Tuhan, menanamkannya di dalam hatimu. Seperti yang terdapat di dalam 2 Kor. 3:18, jika kamu memerhatikan Firman-Nya, kamu akan diubah menjadi seperti Dia.

Tulis dan maklumkan kepada saya bahawa kamu telah menerima Yesus, dan mintalah senaskhah buku kecil yang diberikan secara percuma tentang bagaimana memulakan hidup baru di dalam Kristus.

Dengan kasih,  
Joyce

# Perihal Penulis

**Joyce Meyer** telah mengajar Firman Tuhan sejak 1976 dan melayani sepenuh masa sejak 1980. Sebagai salah seorang pastor di Life Christian Centre, St. Louis, Missouri, dia membangun dan mengorganisasi serta mengajar dalam persekutuan 'Kehidupan Di Dalam Firman' setiap minggu. Selepas lebih daripada lima tahun, Tuhan telah membuka jalan baginya untuk membuka pelayanan baru yang dikenali sebagai "Life In The Word, Inc."

Program "Life In The Word" menerusi radio dan television disiarkan ke seluruh Amerika dan dunia. Pita-pita yang digunakannya untuk mengajar mendapat sambutan yang baik di peringkat antarabangsa. Dia banyak mengembara untuk memimpin seminar-seminar Life In The Word.

Joyce dan suaminya, Dave, pengurus perniagaan di Life In The Word telah berkahwin lebih daripada 32 tahun dan mempunyai empat

orang anak. Kesemua anak mereka telah berkahwin dan melayani bersama-sama Dave dan Joyce, beserta dengan pasangan mereka. Joyce dan Dave tinggal di Fenton, Missouri, tidak jauh dari St. Louis. Joyce percaya panggilan dalam hidupnya ialah untuk menguatkan orang-orang yang percaya kepada Firman Tuhan. Katanya, "Yesus telah mati untuk membebaskan tawanan, dan banyak lagi orang Kristian yang memiliki sedikit atau tidak ada kemenangan di dalam kehidupan seharian mereka." Dia mendapati dirinya berada dalam keadaan yang sama bertahun-tahun yang lalu dan telah menemui kebebasan untuk hidup di dalam kemenangan dengan melakukan Firman Tuhan. Joyce telah diperlengkapkan untuk membebaskan tawanan dan mengubah kehinaan kepada keindahan.

Joyce pernah mengajar tentang penyembuhan emosi dan seumpamanya dalam setiap perjumpaan di seluruh negara, dan telah membantu ramai orang. Dia telah merakam lebih daripada 180 album kaset audio dan merupakan penulis kepada 33 buku untuk membantu Tubuh Kristus dalam pelbagai topik.

Masa pengajaran "Pekej Penyembuhan Emosi" mengambil masa lebih daripada 23 jam. Album yang termasuk dalam pekej ini ialah: "Keyakinan"; "Keindahan Abu" (termasuk sukatan); "Mengurus Emosi Anda"; "Kepahitan, Kemarahan, dan Tidak Dimaafkan"; "Akar Kepada Penolakan"; dan 90 minit ayat-ayat Firman Tuhan / kaset musik bertajuk "Menyembuhkan Hati Yang Kecewa".

"Pekej Minda" Joyce meliputi 5 siri kaset audio yang berbeza termasuk: "Penguatan Mental dan Penetapan Minda"; "Mentaliti Yang Tidak Terurus"; "Pemikiran Secara Daging"; "Pemikiran Yang Tidak Tentu dan Sentiasa Hairan"; "Minda, Mulut, Kecenderungan dan Tingkah Laku". Pekej itu juga mengandungi sebuah buku bertajuk <Medan Peperangan Minda> yang mempunyai 288 muka surat. Dalam subjek kasih, dia mempunyai 2 siri kaset yang bertajuk, "Kasih Ialah..." dan "Kasih: Dasar Kuasa".

Hubungi pejabat Joyce Meyer untuk sumber katalog dan maklumat selanjutnya tentang bagaimana mendapatkan kaset-kaset yang kamu

perlu untuk kesembuhan sepenuhnya dalam hidup kamu.

Untuk menghubungi penulis, tulis kepada:

Joyce Meyer  
Life In The Word, Inc.  
P.O.Box 655  
Fenton, Missouri 63026  
atau telefon:  
(314)349-0303

Alamat Internet:

<http://www.jmministries.org>

*Sila sertakan kesaksian kamu atau berkat yang kamu perolehi dari buku ini. Permohonan doa kamu juga dialu-alukan.*

Untuk menghubungi penulis di Canada,  
tulis kepada:

Joyce Meyer Ministries Canada, Inc.  
PO.Box 2995 • London, ON N6A 4H9

Di Australia, tulis kepada:

Joyce Meyer Ministries Australia •  
Locked Bag 77  
Mansfield Delivery Centre • Queensland 4122  
atau telefon: (07) 3349 1200

# **Buku-Buku Joyce Meyer**

*Makan dan Kekal Sihat*

*Pahlawan-Pahlawan Yang Letih*

*Orang-Orang Kudus Yang Lemah*

*Hidup Di Dalam Firman Setiap Hari*

*Hidup Dalam Renungan Firman Tuhan*

*Tidak Khuatir - Langkah Meletakkan*

*Perhatianmu dan Beristirahat di Dalam*

*Tuhan*

*Siri Bantu Saya!*

*Aku Tertekan! Aku Terancam!*

*Aku Lemah! Aku Terdesak!*

*Aku Bimbang! Aku Takut!*

*Jangan Takut - Mengatasi Roh Ketakutan*

*Dengan Kuasa Luar Biasa Daripada Tuhan*

*Kuasai Emosi dan Jangan Biarkan Emosi*

*Menguasaimu*

*Hidup Di Dalam Firman*  
*Menyembuhkan Hati Yang Terluka*  
*"Aku dan Mulut Celuparku!"*  
*Bersedia Untuk Berjaya*  
*Lakukannya! Takut*  
*Nantikan Gerakan Tuhan di Dalam Hidup*  
*Kamu...Secara Tiba-Tiba*  
*Nikmati di Mana Sahaja Kamu Berada, Ke*  
*Mana sahaja Kamu Pergi*  
*Keputusan Paling Penting Yang Akan Kamu*  
*Lakukan*  
*Bila, Tuhan? Bila?*  
*Mengapa, Tuhan? Mengapa?*  
*Firman, Nama dan Darah*  
*Medan Peperangan Minda*  
*Katakan Aku Mengasihi Mereka*

*Damai*

*Akar Kepada Penolakan*

**Keindahan Abu**

**Kalau Bukan Kerana Anugerah Tuhan**

**Oleh Dave Meyer:**

*Kehidupan Yang Berharga*



## **Memperolehi hadiah Tuhan bagi mu: Kasih-sayang yang tiada syarat-syaratnya!**

Kesemua kuasa dan kasih-sayang Tuhan adalah dapat diperolehi untuk mu - hari ini juga! Dan engkau bukan hanya satunya daripada sekumpulan manusia. Tuhan sayang pada mu seolahnya engkau adalah se orang yang tunggal hidup di bumi. Tetapi masalah ialah, seperti orang ramai, engkau mungkin tidak memahaminya - atau sekira engkau faham dalam kepala mu, engkau mungkin tidak dapat merasainya dalam hati mu. Sekarang, engkau dapat merasai demikian. Pesanan-pesanan yang hebat, yang didapati dalam buku ini yang berinspirasi, akan menunjukkan kepada mu:

- Bagaimana mengenali kasih-sayang Tuhan yang ada di dalam mu:
- Bagaimana bolih henti berfikir-fikir adakah engkau cukup baik bagi Tuhan
- Bagaimana engkau dapat mengalami wahju yang ajaib mengenai kasih-sayang Tuhan
- Bagaimana dapat mencari hadirat Tuhan walau pun dalam keadaan kesengsaraan dalam hidup
- Bagaimana kasih-sayang Tuhan akan mengubahkan engkau buat selama-lamanya

Dengan berkongsinya fahamannya dan wahyu yang telah mengubahkan jiwanya sendiri, Joyce Meyer mambawa mu kepada Firman Tuhan dan lain-lain kata-kata kebijaksanaan, yang bolih buka tingkap kepada kasih-sayang Tuhan..... dan membenarkan keteranganNya bersinar ke atas engkau sendiri !